



TEKS UCAPAN PERASMIAN

YB DATO' SRI ROHANI ABDUL KARIM

**MENTERI PEMBANGUNAN WANITA,
KELUARGA DAN MASYARAKAT**

**MAJLIS PERASMIAN TASKA DAN TADIKA
MALAYSIA AIRPORTS**

26 MEI 2016, 2.30 PETANG

**BANGUNAN PUSAT JAGAAN KANAK-KANAK
MALAYSIA AIRPORTS HOLDINGS BERHAD
KL INTERNATIONAL AIRPORT
SEPANG, SELANGOR**

Bismillahirrahmanirrahim,

[SALUTASI]

Salam Sejahtera dan Salam 1 Malaysia,

MUKADIMAH

1. Alhamdulillah, saya bersyukur ke hadrat Allah S.W.T. kerana dengan limpah kurniaNya, dapat kita berkumpul di majlis yang penuh bermakna pada petang ini iaitu Majlis Perasmian TASKA dan TADIKA Malaysia Airports. Terlebih dahulu saya mengucapkan terima kasih kepada Malaysia Airports Holding Berhad kerana sudi menjemput Kementerian Pembangunan Wanita, Keluarga dan Masyarakat (KPWKM) bersama-sama dalam majlis yang penuh gemilang ini. Izinkan saya mengambil kesempatan ini merakamkan setinggi-tinggi penghargaan dan tahniah atas penubuhan TASKA dan TADIKA Malaysia Airports yang baru sahaja ditubuhkan pada tahun ini.
2. Saya difahamkan Bangunan Taska dan Tadika ini dibina khusus untuk kemudahan kakitangan-kakitangan Malaysia Airports yang bekerja di sekitar KLIA. Saya pasti dengan adanya bangunan baru ini suasana pembelajaran akan lebih kondusif untuk anak-anak kakitangan yang di hantar belajar di sini. Juga di harapkan agar perkhidmatan ini dapat memberikan ketenangan bekerja kepada wargakerja Malaysia Airports dalam meningkatkan produktiviti dan mutu perkhidmatan di tempat mereka bekerja.

3. Saya difahamkan juga bahawa inilah satu-satunya Syarikat Berkaitan Kerajaan (GLC) yang menempatkan Taska dan Tadika di bawah satu bangunan yang sama dibina di atas tanah mereka sendiri. Tahniah dan syabas saya ucapkan kepada pihak pengurusan dan warga kerja Malaysia Airports!

Hadirin yang dihormati sekalian,

SOKONGAN KERAJAAN

4. Kerajaan sedar betapa pentingnya untuk menyediakan pendidikan awal yang baik dan berkualiti kepada kanak-kanak sebagai asas kepada pembangunan insan yang mampu melahirkan generasi pelapis berminda kelas pertama. Kerajaan amat prihatin bahawa kejayaan masa depan kanak-kanak bergantung pada persediaan yang diterimanya semasa kecil. Oleh yang demikian, kerajaan amat menggalakkan semua bangunan syarikat berkaitan kerajaan dapat mengadakan kemudahan seperti ini untuk kakitangan yang bekerja. Inilah salah satu konsep Strategi Lautan Biru Kebangsaan (*National Blue Ocean Strategy*) yang disarankan oleh pihak kerajaan.
5. KPWKM melalui Jabatan Kebajikan Masyarakat (JKM) sentiasa komited dalam memberi perkhidmatan dan sentiasa memberi sokongan padu dalam usaha penubuhan Taman Asuhan Kanak-Kanak (TASKA) terutamanya TASKA Di Tempat Kerja. Penubuhan TASKA seumpama ini dapat memberi sokongan kepada ibu bapa bekerja dengan lebih komited dan seterusnya menghasilkan produktiviti yang baik dalam perkhidmatan mereka. Kerajaan telah

menyediakan pelbagai insentif bagi menggalakkan penubuhan TASKA Di Tempat Kerja, antaranya:

- i. Pengecualian cukai 10% selama 10 tahun bagi ubah suai dan penyenggaraan, dan pemilikan bangunan untuk Pusat Asuhan Kanak-Kanak bagi majikan sektor swasta;
- ii. Potongan Cukai dua kali ganda ke atas majikan yang menyediakan elaun atau subsidi kepada pekerja dan perbelanjaan penyelenggaraan kemudahan TASKA dan Pusat Jagaan Kanak-Kanak, ia telah diumumkan pada masa Budget 2013; dan
- iii. Pengecualian cukai pendapatan bagi tempoh 5 tahun dan elaun bangunan industri pada kadar 10% setahun diberi kepada pengusaha TASKA, Pusat Jagaan Kanak-Kanak dan Pra sekolah Swasta, ia telah diumumkan pada masa Budget 2013.

STATISTIK TASKA BERDAFTAR

6. Sehingga April 2016 sebanyak **4,193 buah TASKA** telah didaftarkan dengan Jabatan Kebajikan Masyarakat. Berikut adalah TASKA yang berdaftar mengikut kategori TASKA:

- i. TASKA Institusi - 3366 buah;
- ii. TASKA Di Tempat Kerja – 170 buah (136 awam, 34 swasta);
- iii. TASKA Komuniti – 44 buah; dan
- iv. TASKA Di Rumah - 613 buah.

7. Melihat jumlah TASKA di Tempat Kerja yang berdaftar amat kecil berbanding dengan kategori lain, saya menyeru kepada majikan-majikan swasta untuk menubuhkan TASKA Di Tempat Kerja demi memastikan kanak-kanak yang berusia bawah empat (4) tahun mendapat asuhan dan didikan awal kanak-kanak yang berkualiti. Ia juga mengurangkan kebergantungan kepada pembantu rumah warga asing serta membantu ibu bapa mengatasi masalah pengasuhan dan didikan kanak-kanak.

KURSUS ASUHAN PERMATA

8. Kursus Asuhan PERMATA (KAP) merupakan kursus wajib di bawah Akta TASKA 1984 dan Peraturan-Peraturan TASKA 2012, di mana ia memberi penekanan kepada enam (6) bidang perkembangan utama kanak-kanak di bawah umur empat (4) tahun, bersesuaian dengan keperluan pertumbuhan dan perkembangan kanak-kanak. Objektif utama KAP adalah bagi meningkatkan kualiti pengasuhan kanak-kanak serta meningkatkan profesionalisme para pengasuh. Saya ingin menyeru agar para pengasuh TASKA menghadiri kursus tersebut agar mereka dapat mengaplikasikan kurikulum PERMATA dalam asuhan dan didikan awal kanak-kanak. Kegagalan menghadiri kursus ini juga boleh diambil tindakan undang-undang oleh pihak JKM.

9. Kementerian amat prihatin dan memandang serius kes penderaan ke atas kanak-kanak yang merupakan aset penting yang bakal mencorakkan masa hadapan negara. Kebanyakan kes penderaan dan pengabaian serta kemalangan yang berlaku di TASKA berpunca daripada TASKA yang tidak berdaftar serta pengasuh yang tidak menghadiri KAP.

10. Saya ingin menyeru kepada para pengusaha TASKA agar dapat memastikan semua pengasuh hendaklah berdaftar bagi memastikan pengasuh kanak-kanak memberi perkhidmatan asuhan dan didikan yang berkualiti. Saya percaya bahawa para pengasuh yang berkemahiran akan dapat menjamin meningkatkan kesejahteraan dan keselamatan kanak-kanak di TASKA. Pengasuh TASKA juga mempunyai tanggungjawab untuk melaporkan kepada JKM sekiranya terdapat kes penderaan terhadap kanak-kanak di TASKA. Ini juga merupakan penglibatan pekerja TASKA dalam mencegah berlakunya penderaan di TASKA. Ia jelas menunjukkan bahawa kerajaan amat mengambil berat dan sentiasa menjaga kebajikan kumpulan sasarannya iaitu kanak-kanak.

PENUTUP

11. Di kesempatan ini juga saya ingin menyeru kepada ibu bapa untuk merebut peluang menghantar anak-anak mereka ke Taska dan Tadika Malaysia Airports kerana dengan kadar bayaran yang minima anak-anak tuan puan akan menerima pendidikan dan kemudahan ini tidak dapat diperolehi di tempat lain.
12. Akhir kata, sekali lagi saya mengucapkan syabas dan tahniah kepada Malaysia Airports Holding Berhad yang telah berjaya menubuhkan TASKA dan TADIKA bagi memberi kemudahan kepada semua pekerjanya dan seterusnya menyahut seruan kerajaan dalam memastikan semua kanak-kanak diberi peluang bagi menikmati kemudahan dan faedah dalam asuhan dan didikan awal kanak-kanak.

13. Tahniah kepada seluruh ahli jawatankuasa majlis yang telah bekerja keras untuk memastikan majlis ini dapat berjalan dengan lancar serta yang paling utama ucapan terima kasih dan tahniah sekali lagi kepada ibu bapa yang memberi sokongan padu serta mengambil peluang yang disediakan demi perkembangan menyeluruh anak-anak mereka.

14. Dengan lafaz Bismillahirrahmanirahim, saya dengan sukacitanya merasmikan Bangunan Taska dan Tadika Malaysia Airports.

Sekian, wabillahi taufik walhidayah wassalamualaikum Warahmatullahi wabarakatuh.

Terima kasih.